

# Unsur Bahasa Lain dalam Bahasa Melayu

Oleh MOHD PAUZI MAHMAD

**Peminjaman perkataan daripada sesuatu bahasa oleh bahasa yang lain berlaku dari semasa ke semasa bagi menerangkan sesuatu perkara yang tidak terdapat dalam bahasa tersebut. Bahasa Melayu tidak terkecuali daripada hal itu.**

**D**i samping pengaruh bahasa Arab dan bahasa Sanskrit yang begitu ketara dalam bahasa Melayu, terdapat juga pengaruh bahasa yang lain, seperti Cina, Jawa, Tamil, Portugis dan Belanda. Kehadiran perkataan daripada bahasa yang lain telah memperbanyak perkataan dalam bahasa Melayu.

## Unsur Bahasa Cina

Perkataan yang dipinjam daripada bahasa Cina hampir semuanya berasal daripada bahasa Hokkien kerana orang Hokkienlah yang mula-mula sekali datang ke Tanah Melayu dan menetap di situ. Orang Hokkien kemudiannya berinteraksi dan bercampur gaul dengan orang Melayu di desa tempat tinggal mereka dan di kawasan sekitarnya.

Kebanyakan perkataan yang dipinjam daripada bahasa Hokkien mempunyai kaitan dengan alat yang digunakan untuk berjudi, pakaian dan makanan. Hal itu berlaku kerana perkataan tersebut tidak terdapat dalam bahasa Melayu. Kebanyakan perkataan bahasa Cina yang dipinjam oleh bahasa Melayu tidak disedari oleh penutur walaupun mereka menggunakan setiap hari. Hal itu terjadi kerana penggunaan perkataan tersebut memudahkan orang ramai memahami apa-apa yang dimaksudkan oleh penutur.

Kata pinjaman daripada bahasa Hokkien itu terbahagi kepada beberapa kumpulan kata. Dalam golongan kata yang merangkum buah-buahan dan makanan, terdapat beberapa contoh, seperti mi, mihun, misua, cincau, samsu, inci, laici, lai, kineam, bepong dan kuih. Dari segi pakaian dan barang dagangan,

terangkum kata seperti tehar, kaci, candu, gincu, kekwa, koyaktokokeukin, tocang dan kun. Kata yang berkaitan dengan rumah dan perkakasnya pula termasuklah toya, kincir, dacing, teko, tekuan, tangsi, tanglung, bangsal, loceng, pangkin, lanca, beca dan loteng.

Kata pinjaman itu telah mengalami perubahan bunyi dan disesuaikan dengan sebutan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun, kata pinjaman daripada bahasa Hokkien tidak merangkum perkataan dalam bidang ilmu pengetahuan kerana masyarakat Cina yang datang ke Tanah Melayu pada masa itu bukan terdiri daripada golongan yang terpelajar, sebaliknya mereka datang semata-mata untuk bermiaga dan bekerja. Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah jika bahasa Hokkien dipinjam sebagai bahasa basahan sahaja kerana bahasa itu tidak dapat menandingi pengaruh bahasa yang lain.

## Unsur Bahasa Belanda dan Bahasa Portugis

Dengan kedatangan kuasa Barat ke Asia Tenggara, bahasa Melayu telah terdedah kepada budaya baharu yang tidak pernah diterima sebelumnya. Pengaruh Barat yang pertama sekali tiba di alam Melayu ialah Portugis (Feringgi) di Melaka. Antara perkataan yang dipinjam daripada bahasa Portugis termasuklah beranda, tempoh, armada, wizurai, meski, minggu, tinta, palsu, lampu, roda, sekolah, peon, mentega, keju, kapitan, jendela dan dadu.

Kedatangan Belanda kemudiannya tambah memperkaya kata pinjaman dalam bahasa Melayu. Perkataan daripada bahasa Belanda termasuklah rokok, sekoci, kuran, permisi, tolok, ransum, bam, peleser,

ongkos, senapang, kontan, geladak, dam, duit, engsel dan laci.

Pengaruh Barat yang terakhir dan kekal hingga hari ini ialah Inggeris. Banyak perkataan dalam bahasa Inggeris telah dipinjam oleh bahasa Melayu pada masa ini.

### Unsur Bahasa Jawa

Dalam bahasa Melayu, terdapat kira-kira 1977 patah perkataan yang dipinjam daripada bahasa Jawa. Kata pinjaman tersebut dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian, seperti kata kebudayaan, kata panggilan, kata makanan, kata konsep dan kata am. Pada umumnya, pengaruh bahasa Jawa meresap ke dalam bahasa Melayu melalui kesusasteraan, pengaruh kerajaan Jawa di Majapahit dan Mataram di kepulauan Melayu pada zaman silam, kehadiran orang Malaysia berketurunan Jawa, pengaruh kesusasteraan Indonesia di Malaysia, pembinaan bahasa Melayu sebagai bahasa moden dan perkembangan media massa yang pesat, seperti surat khabar, televisyen dan radio.

Ada pendapat yang mengatakan bahawa pada zaman kegemilangan kerajaan Majapahit dan kerajaan Mataram, bahasa Jawa digunakan oleh sebilangan penduduk kepulauan Melayu. Keadaan itu berlaku setelah pengaruh Hindu Sriwijaya beransur lemah dan hilang, dan diambil alih oleh kerajaan Majapahit di Jawa. Selepas kejatuhan kerajaan Majapahit, pemerintahan di Jawa diambil alih pula oleh kerajaan Mataram. Setelah kerajaan Sriwijaya dan kerajaan Mataram mengalami kejatuhan, aspek "Javanisme" terus tersebar melalui bahan sastera, iaitu melalui cerita panji.

Pada zaman pemerintahan Belanda, bahasa Jawa makin pesat berkembang di kepulauan Melayu. Semangat kejawaan dan usaha penyebaran bahasa Jawa, serta kebudayaan dan kesusasteraannya yang begitu maju menyebabkan pengaruh bahasa tersebut begitu dirasakan di kepulauan Melayu. Walau bagaimanapun, oleh sebab sifat dan ciri bahasa itu yang menekankan martabat serta taraf dan tingkat sosial, tempatnya sebagai bahasa utama Nusantara telah diambil alih oleh bahasa Melayu. Faktor tersebut diperkuuh oleh kegiatan penterjemahan sastera panji Jawa ke dalam bahasa Melayu klasik.

Selain itu, berlaku pula penghijrahan orang Jawa ke Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura, sama ada dengan kehendak pemerintah ataupun sebagai perkhidmatan buruh. Mereka yang berhijrah itu mula mendirikan petempatan di tempat yang tertentu, seperti Teluk Intan di Perak, Banting dan Kuala Selangor di Selangor, dan Batu Pahat dan Pontian di Johor, sebagai ladang kelapa.

Pada zaman pemerintahan Belanda, bahasa Jawa makin pesat berkembang di kepulauan Melayu. Semangat kejawaan dan usaha penyebaran bahasa Jawa, serta kebudayaan dan kesusasteraannya yang begitu maju menyebabkan pengaruh bahasa tersebut begitu dirasakan di kepulauan Melayu.

Antara perkataan bahasa Jawa yang dipinjam termasuklah gadis, rogol, batik, jaguh, buntu, andai, penting, obor, lakon, wayang, waras, kesal, dingin, anggap, inap, tamu tulen, gusti, gerobok dan ratu.

### Unsur Bahasa Parsi, Bahasa Tamil dan Bahasa Hindustan

Bahasa Melayu turut menerima pengaruh bahasa Parsi, bahasa Tamil dan bahasa Hindustan. Peminjaman kata daripada ketiga-tiga bahasa itu, di samping bahasa Arab dan bahasa Sanskrit, berlaku kerana hubungan terus masyarakat Melayu dengan orang India dan orang Hindustan yang datang berniaga di Tanah Melayu sejak beberapa abad yang lalu. Sesetengah kata pinjaman itu merupakan pinjaman atas pinjaman. Maksudnya, bahasa pertama telah meminjam sesuatu kata itu daripada bahasa asal dan kemudiannya bahasa yang lain pula meminjam kata tersebut daripada bahasa pertama itu.

Kata pinjaman daripada bahasa Parsi, bahasa Tamil dan bahasa Hindustan merangkum aspek komunikasi atau perhubungan kerana ketiga-tiga golongan masyarakat itu berinteraksi dan bercampur gaul dengan orang Melayu, khususnya dalam bidang perdagangan dan perniagaan. Oleh itu, kata pinjaman daripada bahasa tersebut mempunyai kaitan dengan perdagangan yang berlaku pada masa itu.

Antara perkataan yang dipinjam daripada bahasa Parsi termasuklah kahwin, johan, nisan, bandar, cogan, gandum, saudagar, dewan, medan, peri, perca, piala, nobat, nakhoda, nafiri, pasar, firdaus, nafiri, geram, beriani, juadah, takhta, serban dan shah.

Bahasa Tamil juga membenarkan bahasa Melayu meminjam perkataannya, seperti kolam, tirai, candi, kapal, modal, gurindam, apam, cemeti, bedil, logam, tambi, nira, curi, kuli, kawal, putu, paria, kari, pondan, sami, gerudi, ladam, mempelam, peti, kadi, mahligai, senteri dan auta.

Antara perkataan bahasa Hindustan yang terdapat dalam bahasa Melayu termasuklah topi, seterika, gajus, kurma, dunia, dian, dal, lucah, kanji, sundal, boria, basi,

baldi, barua, bangsat, ganja, gari, dunia, guni, capal dan ganda.

Peminjaman perkataan daripada bahasa yang lain telah memperkaya kosa kata bahasa Melayu. Peminjaman berlaku kerana perkataan tersebut mengungkapkan sesuatu perkara yang tidak terdapat dalam bahasa Melayu.

### **Latihan Pengukuhan Unsur Bahasa Tamil, Bahasa Hindustan, Bahasa Parsi, Bahasa Jawa dan Bahasa Cina dalam Bahasa Melayu**

1. Pembelian kapal terbang itu memerlukan modal yang besar.

Perkataan yang bergaris dalam ayat tersebut merupakan kata pinjaman daripada bahasa:

- A. Parsi
  - B. Belanda
  - C. Sanskrit
  - D. Tamil
  - E. Portugis
2. Yang manakah antara yang berikut merupakan kata pinjaman daripada bahasa Portugis?
    - i. jendela
    - ii. kamar
    - iii. rokok
    - iv. peluru
    - v. kahwin
    - A. i dan iv
    - B. i dan v
    - C. i dan iii
    - D. i, ii, iii dan iv
  3. Bahasa Melayu telah meminjam perkataan daripada bahasa Hokkien untuk memperkayakan perbendaharaan kata bahasa Melayu lagi. Yang manakah daripada yang berikut merupakan kata pinjaman daripada bahasa Hokkien?
    - A. anggap, kuih, loceng, laci
    - B. sampan, cawan, baca, kuih
    - C. laci, gudang, anggap, tocang
    - D. kamus, tokok, loceng, sampan
    - E. loceng, gudang, kamus, cawan